



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

STATUS JEREBU DALAM NEGARA

1 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)

Hujan yang berlaku beberapa hari lalu di Pantai Barat Semenanjung Malaysia telah membantu mengurangkan keadaan berjerebu dalam negara. Sehingga jam 11 pagi, sebanyak 47 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik' dan sebanyak 5 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana'. **Tiada (0) kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat'.**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 31 Ogos 2016, sebanyak 4 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia, manakala sebanyak 3 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan. Sementara itu, tiada (0) titik panas (hotspot) dikesan dalam negara. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak *ASMC* pada 31 Ogos 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu. Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Mekanisme tindak balas (response mechanism) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan**. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi menghadapi episod jerebu mengikut peringkat dan tahap berjaga-jaga dengan berpandukan bacaan IPU mengikut tempoh masa tertentu. Selaras dengan Pelan tersebut, tindakan-tindakan berikut telah diambil oleh agensi yang terlibat iaitu:-

- (i) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengaktifkan Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan pada 29 Ogos 2016; dan
- (ii) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengaktifkan Jawatankuasa Kerja Menangani Situasi Jerebu pada 19 Ogos 2016.

Di peringkat serantau, YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengutus surat kepada Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia pada 22 Ogos 2016 untuk melahirkan kebimbangan Malaysia tentang isu jerebu rentas sempadan akibat kebakaran tanah dan hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. **Melalui surat tersebut, gesaan juga telah dibuat supaya Kerajaan Indonesia mempertingkatkan tindakan pencegahan dan pemadaman kebakaran supaya pencemaran jerebu yang berlaku kini dapat dihentikan segera.**


Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Bilangan kes pembakaran terbuka yang dikesan oleh JAS dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Ogos 2016 ialah 2358 kes yang merangkumi kebakaran hutan (314 kes), belukar (541 kes), tapak pembinaan (51 kes), tapak pelupusan (72 kes), industri (16 kes), pertanian (605 kes) dan lain-lain (759 kes). Di samping itu tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh JAS ialah tindakan pengenaan kompaun bagi 214 kes dengan jumlah kompaun yang telah dibayar sebanyak RM248,066.00 bagi 172 kes. Sebanyak 21 surat arahan, 29 notis arahan dengan 15 kes bagi tindakan mahkamah (proses penyediaan kertas siasatan).

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**. Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

PETA JEREBU SERANTAU, 31 OGOS 2016
(Sumber : *ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura*)



Regional Haze Update

No significant hotspot activities in the ASEAN region. In the southern ASEAN region, few hotspots were detected in Sumatra and Kalimantan. Over the next few days, the prevailing winds in the region are expected to blow from the southeast or southwest.